

Garis Panduan PENGIMPORAN MIKROORGANISMA DAN BAHAN ORGANAN

Edisi Pertama




Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
Jabatan Pertanian Malaysia

Garis Panduan

PENGIMPORTAN MIKROORGANISMA DAN BAHAN ORGANAN

Edisi Pertama
DOA/BBT/GPMOBO/E01



Bahagian Biosekuriti Tumbuhan

Jabatan Pertanian Malaysia
Tingkat 1-3, Wisma Tani, Jalan Sultan Salahuddin
50632 Kuala Lumpur

BK 231/03.22

eISBN 978-983-047-295-9

Cetakan Pertama 2022

Edisi Pertama

© Hak cipta Jabatan Pertanian Malaysia,
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Pertanian, Jabatan Pertanian Malaysia.

Manuskrip terbitan ini disediakan oleh Bahagian Biosekuriti Tumbuhan

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Garis Panduan PENGIMPORAN MIKROORGANISMA DAN BAHAN ORGANAN.

– Edisi Pertama.

Mode of access: Internet

eISBN 978-983-047-295-9

1. Imports--Handbooks, manuals, etc.
2. Microorganisms--Handbooks, manuals, etc.
3. Organisms--Handbooks, manuals, etc.
4. Government publications--Malaysia.
5. Electronic books.

I. Malaysia. Jabatan Pertanian. Bahagian Biosekuriti Tumbuhan.
382.5

Diterbitkan oleh: Jabatan Pertanian Malaysia
Aras 7-17, Wisma Tani,
No.30 Persiaran Perdana, Presint 4,
62624 Putrajaya
Tel : 603 - 8870 3042
Faks : 603 - 8888 5069
Laman Web: <http://www.doa.gov.my>

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
KATA ALUAN KETUA PENGARAH PERTANIAN		4
1.0	Pendahuluan	5
2.0	Pengenalan	5
3.0	Garis Panduan Pengimportan Bahan Organan Komersil	6
3.1	Tujuan	6
3.2	Skop	6
3.3	Tanggungjawab	6
3.4	Permohonan Pengimportan Bahan Organan	6
3.5	Permohonan Permit Import (IP) Sampel Bahan Organan	6
3.6	Persampelan dan Analisis Sampel Bahan Organan	7
3.7	Kelulusan Permohonan Pengimportan Bahan Organan (Komersil)	8
3.8	Verifikasi Premis (Stor Penyimpanan) Kuarantin dan Pemantauan Pengimportan Bahan Organan yang Telah Diluluskan	8
3.9	Pergerakan Bahan Organan Secara Komersil Di Antara Kawasan Komponen	9
4.0	Garis Panduan Pengimportan Mikroorganisma Dan Bahan Biologi Bagi Tujuan Penyelidikan Pertanian	10
4.1	Tujuan	10
4.2	Skop	10
4.3	Tanggungjawab	10
4.4	Permohonan Kelulusan Pengimportan Mikroorganisma dan Bahan Biologi	10
4.5	Verifikasi Premis (Makmal) Kuarantin dan Mikroorganisma	10
4.6	Prosedur Pelupusan Mikroorganisma	11
5.0	Singkatan	12
6.0	Definisi	13
7.0	Rujukan	13
8.0	Penghargaan	14
9.0	Lampiran :	
Lampiran 1	Borang Permohonan Pengimportan Mikroorganisma dan Bahan Organan (MOBO.01)	17
Lampiran 2	Spesifikasi Baja Organik	24
Lampiran 3	Laporan Ringkasan Permohonan Mesyuarat JKTPMOBO	25
Lampiran 4	Garis Panduan Bagi Premis Kuarantin Selepas Masuk (Fasiliti Penyimpanan/Storan)	26
Lampiran 5	Laporan Verifikasi Premis (Stor Penyimpanan) Kuarantin	27
Lampiran 6	Prosedur Persampelan Dan Tindakan <i>Hold, Test & Release</i> (HTR) Untuk Pengimportan Bahan Organan	31
Lampiran 7A	Carta Alir Permohonan Pengimportan Bahan Organan Komersil (IP Sampel)	33
Lampiran 7B	Carta Alir Permohonan Pengimportan Bahan Organan Komersil (Verifikasi Premis)	34
Lampiran 7C	Carta Alir Permohonan Pengimportan Bahan Organan Komersil (Pengawasan dan Pemantauan)	35
Lampiran 8	Borang Permohonan Pengimportan Mikroorganisma (Penyelidikan) (MOBO.02)	36
Lampiran 9	Garis Panduan Bagi Premis Kuarantin Selepas Masuk (Fasiliti Makmal)	39
Lampiran 10A	Carta Alir Permohonan Pengimportan Mikroorganisma Dan Verifikasi Premis Bagi Tujuan Penyelidikan	40
Lampiran 10B	Carta Alir Pengurusan Sampel Mikroorganisma Di Pintu Masuk Dan Proses Verifikasi Di Makmal	41
Lampiran 11	Borang Pengakuan Pemusnahan / Pelupusan Mikroorganisma / Tumbuhan / Tanih / Bahan Pertanian (PQ-12)	42



KATA ALUAN KETUA PENGARAH PERTANIAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya kita telah berjaya menghasilkan Garis Panduan Pengimportan Mikroorganisma dan Bahan Organan ini untuk kegunaan jabatan dan agensi serta pihak industri (pengimport) di pintu masuk Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak. Sekalung tahniah dan penghargaan kepada semua pihak terutama pegawai pakar dari pelbagai agensi dan institusi yang telah terlibat dalam menjayakan penerbitan buku ini.

Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk menyelaraskan dan memastikan semua prosedur serta aktiviti pengimportan mikroorganisma untuk tujuan diagnostik / penyelidikan pertanian dan bahan organan ke dalam negara adalah mengikut prosedur, selamat digunakan, tidak berbahaya kepada tumbuhan, haiwan, hidupan akuatik, manusia dan alam sekitar serta kandungan logam berat tidak melebihi paras kepekatan maksimum yang dibenarkan. Adalah diharapkan dengan adanya garis panduan ini, prosedur pengimportan mikroorganisma dan bahan organan ke dalam negara untuk bidang pertanian lebih terancang, teratur dan selamat. Justeru itu dengan penerbitan ini akan membantu para pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian serta agensi yang terlibat dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti dan jelas berkaitan dengan pengimportan mikroorganisma dan bahan organan.

Akhir kata, syabas dan tahniah kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan ini. Semoga garis panduan ini dapat dijadikan sebagai rujukan serta memberi panduan kepada setiap warga Jabatan khususnya dan pemegang taruh (stakeholder) amnya. Sekian, terima kasih.

Datuk Mohd Nasir Bin Warris
Ketua Pengarah Pertanian

1.0 PENDAHULUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan mengenai prosedur yang perlu dipatuhi untuk mengimport mikroorganisma dan bahan organan ke dalam negara bagi tujuan pertanian. Garis panduan ini merangkumi permohonan pengimportan mikroorganisma dan bahan organan dari mana-mana negara ke Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dan pergerakan di antara kawasan komponen di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan). Garis panduan ini disediakan bagi memastikan mikroorganisma atau bahan organan yang diimport selamat digunakan dan tidak berbahaya kepada tumbuhan, haiwan, hidupan akuatik, manusia dan alam sekitar serta kandungan logam berat tidak melebihi had toleran maksimum yang dibenarkan.

2.0 PENGENALAN

Pengimportan mikroorganisma dan bahan organan ke Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah tertakluk kepada keperluan Permit Import (Import Permit, IP) di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976, Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981 dan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Bahan organan berisiko mengandungi mikroorganisma yang berbahaya kepada tumbuhan, haiwan, hidupan akuatik, manusia dan alam sekitar serta kandungan logam berat yang melebihi had toleran maksimum yang dibenarkan. Oleh yang demikian, sampel bahan organan tersebut perlu dianalisis terlebih dahulu bagi memastikan bahan organan yang diimport / dibawa masuk ke Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah bebas daripada patogen berbahaya sebelum permit pengimportan secara komersial dikeluarkan.

Mikroorganisma yang diimport / dibawa masuk ke dalam negara untuk tujuan penyelidikan pertanian juga perlu dikawal dan diverifikasi bagi pengesahan spesies yang diisytihar sebelum mendapat pelepasan penggunaan di fasiliti atau premis penyelidikan yang telah diluluskan. Keperluan ini adalah selaras dengan Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981 iaitu Peraturan 3, 4(3), 5(1) dan 5(4), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) Seksyen 11 (1) dan 11 (2).

Pengimportan bahan organan ke Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan hanya memerlukan satu permit yang mengandungi keperluan pengimportan dari semua agensi terlibat iaitu Jabatan Pertanian Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Manakala di Sabah atau Sarawak memerlukan permit dari agensi berkaitan.

Pengimportan bahan organan untuk tujuan komersil atau penyelidikan yang dibenarkan adalah berkaitan dengan pertanian sahaja. Contohnya seperti baja organik, baja bio, *plant growth promoting*, *root growth promoting* dan *soil conditioner /soil amendment*. Manakala pengimportan mikroorganisma sama ada mikroorganisma patogenik (pathogenic microbes) atau mikroorganisma berfaedah (beneficial microorganisms) hanya bagi tujuan penyelidikan yang berkaitan dengan pertanian sahaja. Pengimportan *raw animal / avian / human waste* (faeces) sebagai bahan organan adalah **DILARANG**.

Pengimportan bahan biologi selain daripada bahan organan yang mengandungi mikroorganisma bagi tujuan pertanian seperti rawatan dan pembersihan air kolam yang tidak dikawal atau tertakluk di bawah mana-mana Kementerian, Jabatan atau agensi kerajaan boleh dipertimbangkan dalam Jawatankuasa Teknikal Pengimportan Mikroorganisma dan Bahan Organan (JKTPMOBO).

3.0 GARIS PANDUAN PENGIMPORAN BAHAN ORGANAN KOMERSIL

3.1 TUJUAN

Prosedur ini memberi panduan mengenai permohonan pengimportan bahan organan ke Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Garis panduan ini diadakan bagi memastikan bahan organan yang diimport selamat digunakan dan tidak berbahaya kepada tumbuhan, haiwan termasuk ternakan, unggas dan hidupan liar, hidupan akuatik, manusia dan alam sekitar.

3.2 SKOP

Garis panduan ini merangkumi pengimportan bahan organan bagi aktiviti berkaitan dengan pertanian sahaja. Komoditi yang diklasifikasikan sebagai bahan organan ini adalah komoditi yang berada di bawah: **Item 23** di bawah **Chapter/Heading/Subheading: 3101.00** dan **3105.00, Jadual Ketiga, Bahagian I, Perintah Duti Kastam (PDK 2017-2021)** yang mana pengimportannya dari semua negara ke Malaysia adalah dilarang kecuali jika mematuhi syarat pengimportan sepertimana dalam '*Manner of Import*' yang ditetapkan bagi komoditi tersebut.

Pengimportan bahan organan yang diklasifikasikan di bawah kawalan JKTPMOBO dan tertakluk kepada keperluan Permit Import (IP) adalah:

- (a) baja yang mengandungi bahan asas tumbuhan, haiwan dan hidupan akuatik;
- (b) baja yang mengandungi mikroorganisma;
- (c) bahan organan yang mengandungi bahan asas tumbuhan, haiwan dan hidupan akuatik bersama campuran mikroorganisma seperti *Mushroom Spawn*, *Casing* dan *Mushroom Substrate*; dan
- (d) bahan biologi.

3.3 TANGGUNGJAWAB

- (i) Jabatan Pertanian Malaysia (DOA);
- (ii) Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS);
- (iii) Jabatan Pertanian Sabah; dan
- (iv) Jabatan Pertanian Sarawak

3.4 PERMOHONAN PENGIMPORAN BAHAN ORGANAN

3.4.1 Pemohon perlu mengisi borang **Borang Permohonan Pengimportan Mikroorganisma dan Bahan Organan (MOBO-01)** seperti di **Lampiran 1** yang boleh dimuat turun / diakses di laman web DOA; www.doa.gov.my/myimport.

3.4.2 Borang permohonan yang lengkap dan surat permohonan rasmi perlu dihantar dalam bentuk cetakan ke alamat berikut:

Pengarah
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
Aras 2, Wisma Tani, Jalan Sultan Salahuddin
50632 Kuala Lumpur
(u.p: Ketua Unit Kawalan Import & Analisis Risiko Perosak)

3.5 PERMOHONAN PERMIT IMPORT (IP) SAMPEL BAHAN ORGANAN

3.5.1 Pemohon perlu memohon Permit Import (IP) sampel bahan organan daripada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) melalui sistem ePermit DagangNet setelah syarat import sampel bahan organan dimuatnaik ke dalam sistem. Hanya satu permit per kosainan sampel dibenarkan bagi setiap permohonan pengimportan bahan organan.

- 3.5.2** Pemohon perlu memaklumkan kepada urus setia tarikh dan masa permit akan dipohon untuk urus setia mengaktifkan sistem ePermit. Pemohon perlu memohon IP sampel bahan organan dalam tempoh dua jam selepas sistem diaktifkan (hanya dalam waktu bekerja). Syarat import akan dinyahaktifkan selepas permit dikeluarkan. Pemohon yang mendapat IP sampel bahan organan perlu membuat pembayaran secara atas talian dan mencetak IP sampel bahan organan daripada sistem ePermit DagangNet.
- 3.5.3** Pengimportan sampel bahan organan akan dikonsainkan kepada Ketua Pengarah Jabatan MAQIS dan hanya dibenarkan masuk melalui pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sahaja.
- 3.5.4** Pemohon perlu memastikan sampel bahan organan yang diimport telah diasingkan kepada empat set sampel yang setiap satunya mengandungi 250 gm (bagi pepejal / serbuk) atau 250 ml (bagi cecair / gel) dengan menggunakan kaedah pembungkusan yang sesuai dan selamat seperti yang disarankan dalam dokumen CEN Workshop Agreement (CWA) 15793; *Laboratory Biorisk Management* bagi memastikan sampel tidak tercemar dan selamat sepanjang proses pengangkutan dari negara asal.

3.6 PERSAMPELAN DAN ANALISIS SAMPEL BAHAN ORGANAN

i. Persampelan Bahan Organan

- 3.6.1** Analisis makmal akan dijalankan ke atas sampel bahan organan yang diterima bagi menentukan bahan organan yang diimport tidak mengandungi patogen dan berbahaya kepada tumbuhan, hidupan akuatik, haiwan termasuk ternakan, unggas dan hidupan liar, manusia, alam sekitar serta kandungan logam beratnya adalah tidak melebihi had toleran maksima yang dibenarkan.
- 3.6.2** Kos analisis sampel adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon. Pembayaran dalam bentuk Draf Bank (Bank Draft) atau Kiriman Wang (Money Order) perlu dilakukan seperti ketetapan berikut;
- Nama Agensi** : Jabatan Pertanian Malaysia
Kos Analisis / Sampel : RM 90.00
Pembayaran kepada : Ketua Pengarah Pertanian
- 3.6.3** Bahan keperluan pembungkusan dan penghantaran sampel ke makmal perlu disediakan oleh pemohon.
- 3.6.4** Pemohon yang mendapat IP sampel bahan organan perlu mengisytiharkan konsainan sampel bahan organan yang diimport kepada Jabatan MAQIS di pintu masuk KLIA untuk prosedur persampelan.
- 3.6.5** Pegawai MAQIS di pintu masuk KLIA akan menerima sampel bahan organan yang diisytiharkan dan menghantarkannya kepada urus setia, Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian Kuala Lumpur, di Tingkat 2, Wisma Tani, Jalan Sultan Salahuddin, 50632 Kuala Lumpur dalam tempoh tidak melebihi tiga hari bekerja.
- 3.6.6** Sampel bahan organan yang diterima akan direkodkan dalam pangkalan data (database) penerimaan sampel.
- 3.6.7** Sampel bahan organan yang diterima akan dihantar untuk analisis di makmal berikut :
- (a) Jabatan Pertanian (Bahagian Biosekuriti Tumbuhan);
 - (b) Jabatan Pertanian (Bahagian Perkhidmatan Makmal);
 - (c) Jabatan Perkhidmatan Veterinar; atau
 - (d) Makmal yang diiktiraf oleh Jabatan berkaitan di bawah JKTPMOBO.

ii. Analisis Sampel Bahan Organan

- 3.6.8** Makmal akan menganalisis sampel bahan organan untuk saringan mikroorganisma yang patogenik kepada manusia, tumbuhan, haiwan dan hidupan akuatik serta kandungan logam berat seperti yang tersenarai dalam **Spesifikasi Baja Organik (Lampiran 2)**.

- 3.6.9 Pemohon boleh memilih makmal lain yang diiktiraf oleh Jabatan berkaitan di bawah JKTPMOBO bagi menjalankan analisis sampel bahan organan. Kos analisis dan laporan makmal akan ditanggung oleh pemohon.
- 3.6.10 Makmal akan menjalankan analisis mengikut prosedur yang telah diiktiraf oleh JKTPMOBO.

iii. Keputusan Analisis Makmal

- 3.6.8 Keputusan analisis sampel perlu dihantar kepada urus setia dalam tempoh 30 hari bekerja untuk penyediaan laporan analisis sampel menggunakan **Laporan Keputusan Analisis Makmal (Lampiran 3)**.
- 3.6.9 Laporan Keputusan Analisis Makmal perlu diedarkan kepada ahli JKTPMOBO sekurang-kurangnya dua minggu sebelum mesyuarat bersidang.
- 3.6.10 Laporan Keputusan Analisis Makmal akan dibawa ke mesyuarat JKTPMOBO bagi pertimbangan kelulusan permohonan pengimportan bahan organan secara komersial.

3.7 KELULUSAN PERMOHONAN PENGIMPORTAN BAHAN ORGANAN SECARA KOMERSIL

- 3.7.1 Kelulusan permohonan pengimportan Bahan Organan Secara Komersil adalah tertakluk kepada pertimbangan JKTPMOBO berdasarkan keputusan dan laporan analisis sampel bahan organan.
- 3.7.2 Keputusan permohonan pengimportan bahan organan akan dikeluarkan kepada pemohon dalam tempoh lima hari bekerja dari tarikh mesyuarat JKTPMOBO.

3.8 VERIFIKASI PREMIS KUARANTIN (STOR PENYIMPANAN) DAN PEMANTAUAN PENGIMPORTAN BAHAN ORGANAN SECARA KOMERSIL

i. VERIFIKASI PREMIS KUARANTIN (STOR PENYIMPANAN)

- 3.8.1 Pemohon dikehendaki memberi alamat penuh premis kuarantin dan menyediakan premis berdasarkan spesifikasi yang ditetapkan seperti **Garis Panduan Bagi Premis Kuarantin Selepas Masuk (Fasiliti Penyimpanan / Storan) (Lampiran 4)** setelah menerima surat kelulusan permohonan pengimportan untuk diverifikasi dan diwartakan oleh Jabatan MAQIS bagi pengeluaran syarat import. **Laporan Verifikasi Premis Kuarantin (Stor Penyimpanan)** adalah seperti di **Lampiran 5**.
- 3.8.2 Kelulusan permohonan pengimportan akan terbatal sekiranya pemohon tidak memenuhi keperluan syarat import dan pematuhan verifikasi premis dalam tempoh tiga tahun daripada tarikh kelulusan.
- 3.8.3 Pengimport boleh menggunakan premis yang sama bagi produk bahan organan lain yang diluluskan tertakluk kepada spesifikasi premis seperti di para **3.8.1**.

ii. PENGAWASAN DAN PEMANTAUAN PENGIMPORTAN BAHAN ORGANAN SECARA KOMERSIL

- 3.8.4 *Certification of Analysis (CoA)* perlu disertakan semasa deklarasi kemasukan dari luar negara dan pergerakan antara kawasan komponen (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak). Tempoh sah laku CoA adalah tiga (3) bulan dari tarikh analisis.
- 3.8.5 Konsainan bahan organan bagi tujuan komersil akan diambil sampel secara rawak oleh Jabatan MAQIS / Jabatan Pertanian Sabah / Jabatan Pertanian Sarawak bagi setiap kali pengimportan di pintu masuk berdasarkan **Prosedur Persampelan Dan Tindakan Hold, Test & Release (HTR) Untuk Pengimportan Bahan Organan (Lampiran 6)**.

- 3.8.6** Sampel bahan organan komersil yang diambil semasa pemeriksaan di pintu masuk adalah mengikut prosedur persampelan. Sampel yang diambil oleh pihak MAQIS / DOA Sabah / DOA Sarawak ini akan dilakri sebelum dihantar ke makmal UPB / DOA Sabah / DOA Sarawak sama ada oleh pegawai MAQIS / DOA Sabah / DOA Sarawak / pengimport melalui serahan tangan atau dengan menggunakan perkhidmatan kurier.
- 3.8.7** Selepas persampelan, konsainan tersebut akan dikuarantin di premis kuarantin (Stor penyimpanan) pengimport yang telah diverifikasi oleh UPB / Jabatan Pertanian Sabah / Jabatan Pertanian Sarawak.
- 3.8.8** Semua sampel adalah tertakluk kepada analisis makmal di UPB. Walau bagaimanapun sampel akan dipilih secara rawak dari semasa ke semasa untuk dihantar ke VRI dan BPM bagi tujuan pemantauan.
- 3.8.9** Segala kos penyaringan sampel adalah ditanggung sepenuhnya oleh syarikat pengimport/pemohon. Pembayaran caj penyaringan perlu dilakukan di BBT, Kuala Lumpur selepas sampel diterima.
- 3.8.10** Keputusan analisis makmal akan dikeluarkan dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh penerimaan sampel.-
- 3.8.11** Surat dan laporan keputusan analisis makmal akan dikeluarkan kepada Jabatan MAQIS dan satu salinannya diberikan kepada pemohon. Sebarang keputusan yang melibatkan pelepasan atau tindakan kuarantin dengan cara pemusnahan adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Jabatan MAQIS berdasarkan keputusan analisis makmal.

Carta alir proses kerja secara keseluruhan bagi permohonan pengimportan bahan organan komersil adalah seperti di **Lampiran 7A, 7B dan 7C**.

3.9 PERGERAKAN BAHAN ORGANAN SECARA KOMERSIL DI ANTARA KAWASAN KOMPONEN

- 3.9.1** Pergerakan dari Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan ke Sabah atau Sarawak dan sebaliknya hanya tertakluk kepada sijil fitosanitasi (PC) dan tidak memerlukan premis kuarantin.

4.0 GARIS PANDUAN PENGIMPORAN MIKROORGANISMA DAN BAHAN BIOLOGI BAGI TUJUAN PENYELIDIKAN PERTANIAN

4.1 TUJUAN

Prosedur ini memberi panduan mengenai permohonan pengimportan mikroorganisma dan bahan biologi ke Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan untuk penyelidikan pertanian.

4.2 SKOP

Garis panduan ini merangkumi pengimportan mikroorganisma dan bahan biologi bagi aktiviti penyelidikan berkaitan dengan pertanian dan dijalankan di makmal serta di kawasan penyelidikan awam dan swasta yang terkawal dan berdaftar.

4.3 TANGGUNGJAWAB

- (i) Bahagian Biosekuriti Tumbuhan (BBT), Jabatan Pertanian Malaysia (DOA);
- (ii) Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)
- (iii) Jabatan Pertanian Sabah
- (iv) Jabatan Pertanian Sarawak

4.4 PERMOHONAN KELULUSAN PENGIMPORAN MIKROORGANISMA DAN BAHAN BIOLOGI BAGI TUJUAN PENYELIDIKAN PERTANIAN

4.4.1 Pemohon perlu mengisi borang **Borang Permohonan Pengimportan Mikroorganisma (Penyelidikan) (MOB0-02)** seperti di **Lampiran 8** yang boleh dimuat turun / diakses di laman web DOA; www.doa.gov.my/myimport.

4.4.2 Borang permohonan yang lengkap dan surat permohonan rasmi perlu dihantar dalam bentuk cetakan ke alamat berikut:

**Pengarah,
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan,
Aras 2, Wisma Tani, Jalan Sultan Salahuddin,
50632 Kuala Lumpur.
(u.p: Ketua Unit Kawalan Import & Analisis Risiko Perosak)**

4.5 VERIFIKASI PREMIS KUARANTIN (MAKMAL) DAN MIKROORGANISMA

i. VERIFIKASI PREMIS KUARANTIN (MAKMAL)

4.5.1 Pemohon perlu memberi alamat premis (makmal) dan menyediakan premis berdasarkan spesifikasi **Garis Panduan Bagi Premis Kuarantin Selepas Masuk (Fasiliti Makmal) (Lampiran 9)** dalam tempoh tiga tahun dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sekiranya pemohon tidak mematuhi tempoh yang telah diberikan, permohonan pengimportan akan terbatal dalam tempoh tiga tahun daripada tarikh kelulusan.

4.5.2 UPB akan menjalankan verifikasi premis dengan menggunakan senarai semak untuk memeriksa kemudahan dan keupayaan premis (makmal) dalam proses menganalisis, mengendali dan pemusnahan sampel mikroorganisma dan sisa kajian.

4.5.3 Sekiranya premis didapati tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan semasa verifikasi, pemohon perlu membuat penambahbaikan dalam tempoh satu bulan.

- 4.5.4 Laporan verifikasi perlu disediakan mengikut format seperti di **Lampiran 5** dan dihantar kepada urus setia dalam tempoh lima hari bekerja dari tarikh verifikasi premis untuk mendapatkan pertimbangan JKTPMOBO.
- 4.5.5 Kelulusan permohonan pengimportan mikroorganisma adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat JKTPMOBO berdasarkan kepada maklumat saintifik.
- 4.5.6 Surat maklumbalas permohonan dikeluarkan kepada pemohon berdasarkan keputusan mesyuarat JKTPMOBO dalam tempoh lima hari bekerja dari tarikh mesyuarat.
- 4.5.7 Tempoh sah laku verifikasi makmal adalah tiga tahun dari tarikh kelulusan Mesyuarat JKTPMOBO.
- 4.5.8 Pemohon yang mendapat kelulusan JKTPMOBO perlu memohon IP dengan Jabatan MAQIS melalui sistem ePermit DagangNet.

Carta alir proses kerja bagi permohonan pengimportan mikroorganisma dan verifikasi premis bagi tujuan penyelidikan adalah seperti di **Lampiran 10A**, manakala carta alir proses pengurusan sampel mikroorganisma di pintu masuk dan identifikasi di makmal adalah seperti di **Lampiran 10B**.

ii. IDENTIFIKASI MIKROORGANISMA DAN ANALISIS BAHAN BIOLOGI

- 4.5.9 Pemohon perlu memaklumkan maklumat pengimportan mikroorganisma dan bahan biologi kepada pihak UPB / DOA Sabah / DOA Sarawak dalam tempoh lima (5) hari bekerja sebelum konsainan tiba di pintu masuk.
- 4.5.10 Pemohon perlu membuat pengisytiharan semasa ketibaan konsainan di pintu masuk kepada Jabatan MAQIS bagi pengimportan ke Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan manakala bagi pengimportan atau pergerakan ke Sabah atau Sarawak, pengisytiharan adalah kepada Jabatan Pertanian Sabah atau Jabatan Pertanian Sarawak.
- 4.5.11 Keseluruhan konsainan mikroorganisma atau bahan biologi perlu dikuarantin di UPB / DOA Sabah / DOA Sarawak / makmal yang telah diverifikasi oleh UPB mengikut prosedur yang ditetapkan sehingga keputusan identifikasi mikroorganisma atau keputusan analisis bahan biologi dikeluarkan. Pemohon boleh merujuk kepada *Pathogen Safety Datasheet* bagi spesies mikroorganisma berkaitan untuk tujuan pengendalian.
- 4.5.12 Mikroorganisma dan bahan biologi yang dikuarantin perlu diidentifikasi oleh UPB / DOA Sabah / DOA Sarawak menggunakan prosedur analisis makmal yang bersesuaian. Identifikasi mikroorganisma juga dibenarkan di premis pemohon jika perlu. UPB / DOA Sabah / DOA Sarawak perlu menghantar laporan identifikasi mikroorganisma kepada Urus setia dalam tempoh lima hari bekerja dari tarikh laporan dikeluarkan.
- 4.5.13 Surat kebenaran penggunaan mikroorganisma yang diimport bagi tujuan penyelidikan pertanian akan dikeluarkan oleh UPP kepada pemohon berdasarkan kepada laporan identifikasi mikroorganisma dalam tempoh lima hari bekerja.
- 4.5.14 Konsainan mikroorganisma akan dimusnahkan sekiranya keputusan analisis makmal mengesahkan bahawa mikroorganisma yang diimport adalah berbeza daripada yang dimohon.

4.6 PROSEDUR PELUPUSAN MIKROORGANISMA

- 4.6.1 Pemohon perlu memberi makluman awal mengenai perincian pelupusan (tarikh, masa dan tempat dan kaedah) kultur mikroorganisma dan sisa kajian kepada UPP.

- 4.6.2** Pelupusan kultur mikroorganisma dan sisa kajian boleh dijalankan dengan menggunakan *incinerator* / *autoclave* / mana – mana kaedah yang bersesuaian bagi kultur mikroorganisma yang berkaitan.
- 4.6.3** Bukti pelupusan kultur mikroorganisma dan sisa kajian perlu direkodkan di dalam **Borang PQ12** Pind.(2013) (**Lampiran 11**) oleh pengimport dengan kehadiran pegawai pemeriksa BBT.
- 4.6.4** Kos proses pelupusan adalah ditanggung sepenuhnya oleh pengimport.

5.0 SINGKATAN

BBT	: Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
BPM	: Bahagian Perkhidmatan Makmal
DOA	: <i>Department of Agriculture</i> (Jabatan Pertanian Malaysia)
DVS	: <i>Department of Veterinary Services, Malaysia</i> (Jabatan Perkhidmatan Veterinar)
HS Code	: <i>Harmonized Commodity Description & Coding System</i>
IBBC	: <i>Institutional Biosafety and Biosecurity Committee</i>
IMR	: <i>Institute for Medical Research</i> (Institut Penyelidikan Perubatan)
IP	: <i>Import Permit</i> (Permit Import)
ITTP	: Bahagian Industri Tanaman, Ternakan & Perikanan
JKDM	: Jabatan Kastam Diraja Malaysia
KATS	: Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli
KKM	: Kementerian Kesihatan Malaysia
LKIM	: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
MAQIS	: <i>Malaysian Quarantine and Inspection Services</i> (Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia)
MARDI	: <i>Malaysian Agricultural Research and Development Institute</i> (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian, Malaysia)
MAFI	: <i>Ministry of Agriculture and Food Industries</i> (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan)
PC	: <i>Phytosanitary Certificate</i> (Sijil Fitosanitasi)
SKIP	: Seksyen Kawalan Import dan Penguatkuasaan Akta
SSM	: Suruhanjaya Syarikat Malaysia
UKIPRA	: Unit Kawalan Import dan Analisis Risiko Perosak
UKM	: Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	: Universiti Malaya
UPB	: Unit Penyaringan Biosekuriti
UPM	: Universiti Putra Malaysia
UPP	: Unit Penguatkuasaan dan Perundangan, Seksyen Kawalan Import dan Penguatkuasaan
USM	: Universiti Sains Malaysia
VRI	: <i>Veterinary Research Institute, Malaysia</i> (Institut Penyelidikan Veterinar, Malaysia)

6.0 DEFINISI

Bahan Biologi	Bahan biologi adalah bahan selain daripada yang ditakrifkan sebagai bahan organan, yang mengandungi mikroorganisma bagi tujuan pertanian seperti analisis, rawatan dan pembersihan (sampel air, bahan pencuci, insulin) dan sebagainya yang tidak dikawal atau tertakluk di bawah mana-mana Kementerian, Jabatan atau agensi kerajaan boleh dipertimbangkan dalam Jawatankuasa Teknikal Pengimportan Mikroorganisma dan Bahan Organan (JKTPMOBO)
Bahan Organan	Sumber bahan mentah (raw materials) bagi <i>soil conditioner</i> / <i>soil amendment</i> / baja organik / <i>plant growth regulator</i> yang berasaskan tumbuhan, haiwan atau / dan hidupan akuatik sama ada mengandungi mikroorganisma atau sebaliknya.
Haiwan	Haiwan termasuk ternakan (Akta Binatang 1953), unggas dan hidupan liar.
Mikroorganisma	Organisma mikro seperti bakteria, fungus, virus, phytoplasma, alga, parasit dan sebagainya.
Patogenik	Mikroorganisma yang boleh menyebabkan penyakit kepada tumbuhan, haiwan, hidupan akuatik dan manusia.

7.0 RUJUKAN

1. Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Akta 167)
2. Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)
3. Akta Racun Makhluk Perosak 1974
4. Akta Biokeselamatan 2007
5. Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981
6. Malaysia Laboratory Biosafety and Biosecurity Policy and Guideline, 2015

8.0 PENGHARGAAN

PENASIHAT

YBhg. Datuk Mohd. Nasir bin Warris
Ketua Pengarah
Jabatan Pertanian Malaysia

TIMBALAN PENASIHAT

YBhg. Dato' Zahimi bin Hassan
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Regulatori)
Jabatan Pertanian Malaysia

KETUA EDITOR

Puan Rosmawati binti Selamat
Pengarah
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
Jabatan Pertanian Malaysia

PASUKAN EDITOR:

BIL.	NAMA AHLI	JABATAN /AGENSI
1.	Profesor Madya Dr. Lau Wei Hong	Jabatan Perlindungan Tumbuhan, Universiti Putra Malaysia (UPM)
2.	Profesor Madya Dr. Khairulmazmi bin Ahmad	Jabatan Perlindungan Tumbuhan, Universiti Putra Malaysia (UPM)
3.	Prof. Madya Dr. Asyraf bin Mansor	Pusat Pengajian Sains Kaji Hayat Universiti Sains Malaysia (USM)
4.	Dr. Norwati binti Adnan	Jabatan Biokeselamatan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS)
5.	Dr. Tan Chui Zhein	Bahagian Import/Eksport & Kuarantin, Jabatan Veterinar Malaysia (DVS)
6.	Dr. Maswati bin Mat Amin	Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar
7.	Dr. Norhayati binti Rusli	Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
8.	Dr. Azmi bin Mohammad	Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
9.	Dr. Salmiah bin Baharudin	Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
10.	Dr. Ganisan a/I Krishnen	Pusat Penyelidikan Sains Tanah, Air dan Baja, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
11.	Dr. Noorasyikin binti Abu	Makmal Kesihatan Awam Veterinar Salak Tinggi, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)
12.	Dr. Kamarul Zaman bin Zarkasi	Pusat Pengajian Sains Kaji Hayat Universiti Sains Malaysia (USM)

13.	Dr. Hasnuri binti Mat Hassan	Pusat Pengajian Sains Kajiayat Universiti Sains Malaysia (USM)
14.	Dr. Nik Mohd Izham b. Muhamad Nor	Pusat Pengajian Sains Kajiayat Universiti Sains Malaysia (USM)
15.	Dr. Florence Lee Chi Hiong	Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
16.	Dr. Padilah binti Bakar	Bahagian Penyelidikan Perikanan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)
17.	Puan Roseliza binti Roslee	Institut Penyelidikan Veterinar, Jabatan Veterinar Malaysia (DVS)
18.	Encik Muhammad Ikram b. Abd Talib	Bahagian Import/ Eksport dan Data Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Putrajaya.
19.	Encik Muhamad Zamir bin Mohd. Fuaad	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
20.	Encik Mohd Zafrul Arif bin Radhi	Pusat Penyelidikan Sains Tanah, Air dan Baja, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
21.	Puan Sridevi a/p Devadas	Bahagian Biosekuriti Perikanan Jabatan Perikanan Malaysia (DoF)
22.	Encik Joseph Fung	Bahagian Biosekuriti & Kuarantin Tumbuhan, Jabatan Pertanian Sabah, (DOA Sabah)
23.	Encik Jasle @ Mohd Jasli Dingle	Ketua Penolong Pengarah Kanan Jabatan Pertanian Sabah
24.	Encik Wee Poh Leong	Cawangan Biosekuriti & Kuarantin Tumbuhan, Jabatan Pertanian Sarawak (DOA Sarawak)
25.	Encik. Ulah Anak Anggat	Bahagian Perkhidmatan Makmal Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
26.	Puan Enjeley Anjin	Bahagian Perkhidmatan Makmal Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
27.	Encik. Ismail bin Iberahim	Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja, Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
28.	Puan Asnita binti Abu Harirah	Bahagian Pengurusan Sumber Tanah, Jabatan Pertanian Malaysia
29.	Puan Zahida binti Zam	Bahagian Pengurusan Sumber Tanah, Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
30.	Puan Nur Liyana binti Mohamad Napiah	Bahagian Pengurusan Sumber Tanah, Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
31.	Encik Mohd Khairul bin Hussin	Bahagian Perkhidmatan Makmal Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
32.	Puan. Ngizailah binti Haji Zakaria	Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)

33.	Encik Arizal bin Arshad	Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
34.	Puan Sabariah binti Kamis	Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
